

Universiti Tokyo, UPM tingkat kerjasama

SERDANG 25 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Ocean Research Institute (ORI), Universiti Tokyo bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, melalui kerjasama itu universiti tersebut dan ORI akan berganding bahu dalam penyelidikan dan juga pertukaran penyelidikan serta maklumat akademik.

“Kerjasama ini adalah usaha sama bagi mengukuhkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada sebelum ini,” katanya ketika berucap pada Majlis Menandatangani MoU Pertukaran Maklumat Akademik di antara kedua-dua universiti di sini hari ini.

Menurutnya, kerjasama tersebut membolehkan penyelidik dan juga pelajar UPM dapat mengambil manfaat daripada penyelidikan yang dilakukan oleh kedua-dua universiti.

“UPM berharap melalui kerjasama dengan ORI akan dapat meningkatkan lagi penyelidikan dalam bidang fizik, kimia dan biologi,” katanya.

Tambahnya, Universiti Tokyo merupakan universiti penyelidikan yang terulung di rantau Asia dan UPM bertuah kerana dapat berkongsi kepakaran dan teknologi dalam penyelidikan yang akan dijalankan.